

Suhakam tiada niat beri imej buruk kepada polis

25 AUG 2011

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pelantikan ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) oleh kerajaan bukan sebagai barang hiasan, sebaliknya menjalankan fungsi mendidik masyarakat dan menyiasat sebarang pelanggaran hak asasi manusia di negara ini.

Ahli Suhakam, Prof Datuk Hamdan Adnan, berkata suruhanjaya itu tidak pernah berniat memberi imej buruk kepada polis, jauh sekali kepada Kerajaan Malaysia ketika suruhanjaya itu menjalankan siasatan terhadap sesuatu perkara.

Beliau berkata, Suhakam bukan saja berfungsi menasihati kerajaan berhubung perkara membabitkan pelanggaran hak asasi, malah ia juga memastikan keberkesanan sistem yang ada.

“Laporan kami bukan mengenai isu bagaimana polis menyuraikan perhimpunan, tetapi isu yang kami laporkan mengenai berlaku pelanggaran hak asasi manusia ketika mereka (polis) menjalankan tugas. Itu isu sebenarnya,” katanya kepada wartawan selepas sesi soal siasat berhubung kes penderaan kanak-kanak dan penghuni Rumah Perlindungan Pertubuhan Kebajikan Belas Kasihan Malaysia di ibu pejabat Suhakam di Menara Tun Razak di sini, petang ini.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan laporan Suhakam berhubung perhimpunan haram di Lebuhraya Kesus, Shah Alam, November tahun lalu, banyak dipengaruhi pemikiran Barat dan bukan bagi kepentingan negara.

Dr Mahathir berkata, Suhakam mahu buktikannya bersikap liberal sebenarnya silap kerana lebih terpengaruh dengan nilai-nilai Barat sedangkan kerajaan dan polis negara ini menjaga kepentingan rakyat dengan mengambil kira hak asasi mereka.

Laporan yang diumumkan oleh Pesuruhjaya Suhakam, Tan Sri Anuar Zainal Abidin Isnin lalu merumuskan, polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi manusia dalam tindakan mereka menyurikan perhimpunan haram pada 5 November lalu.

Dalam kejadian itu, polis menahan 125 orang selain merampas beberapa senjata seperti parang dan kayu.

Hamdan berkata, beliau pelik dengan reaksi negatif terutama dari kalangan ahli politik memandangkan ketika Suhakam menjalankan siasatan berhubung kejadian itu, semua pihak termasuk polis dipanggil menjadi saksi.

“Mereka perlu faham, peruntukan dan fungsi Suhakam. Mereka juga perlu membaca laporan sebelum membuat sebarang kenyataan,” katanya.

Ditanya mengenai khabar angin kerajaan tidak akan memperbaharui kontrak perkhidmatan dua ahli Suhakam iaitu Tan Sri Anuar Zainal Abidin dan Naib Pengerusinya, Tan Sri Harun Mahmud Hashim, Hamdan berkata:

“Itu adalah khabar angin mengenai mereka berdua. Saya sudah menghubungi Tan Sri Anuar dan beliau berkata, beliau gembira menjalankan tanggungjawab serta tugas dengan sebaik mungkin tanpa memihak sesiapa dan mengikut telunjuk orang lain tetapi untuk Suhakam.

“Sama ada perkhidmatan mereka akan diteruskan. Ia adalah budi bicara kerajaan dan nasihat Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong, tetapi kami sudah menjalankan tugas sebaik mungkin.